

KURSUS : PEKERJA HOLISTIK MENDEPANI DUNIA GLOBALISASI UNTUK
SETIAUSAHA PEJABAT DAN PEMBANTU TADBIR

TARIKH : 24 DAN 25 APRIL 2019

LOKASI : HOTEL HIG LANGKAWI

DISEDIAKAN OLEH : NORAZILAH BINTI ABDULLAH

RINGKASAN KURSUS

1. HARI PERTAMA (24 APRIL 2019)

TOPIK KURSUS

Pada sesi pagi penceramahnya adalah Pn. Razita binti Sulaiman. Beliau menyampaikan tiga (3) topik iaitu:

- Topik 1 : Kepekaan Tentang Organisasi
- Topik 2 : Budaya Kerja Berprestasi Tinggi
- Topik 3 : Pekerja Yang Berkualiti Adalah Pekerja Yang Produktif

PERKONGSIAN ILMU

Secara kesimpulannya topik-topik yang disampaikan dapat:

- i. Menerangkan dengan lebih jelas peranan seorang setiausaha/pembantu tadbir dalam sesebuah organisasi serta pengembangan bakat kepimpinan dalam menjadi seorang staf yang holistik;
- ii. Meningkatkan keyakinan/motivasi diri dalam mendepani cabaran ditempat kerja serta menekankan berkaitan pembelajaran berterus melalui perkongsian pengalaman Pn. Razita yang telah lama bertugas di dalam bidang ini;
- iii. Memberi ilmu bagaimana untuk menjadi seorang staf yang berkualiti dan kaedah untuk mengekalkannya.

TOPIK KURSUS

Pada sesi petang penceramahnya adalah Dr. Yusof bin Rabu. Beliau menyampaikan dua (2) topik iaitu:

- Topik 1 : Membina Organisasi Berprestasi Tinggi
- Topik 2 : Bagaimana Mengekalkan Prestasi Tinggi

PERKONGSIAN ILMU

Rumusan dari topik yang disampaikan adalah:

- i. Sesebuah organisasi yang berprestasi tinggi sentiasa menekankan aspek penambahbaikan yang berterusan dalam perancangan dan pengurusan aktivitinya;
- ii. Prestasi tinggi dalam sesebuah organisasi dapat dikekalkan dengan adanya nilai tambah aspek sahsiah dan kepimpinan diri yang mantap.

2. HARI KEDUA (25 APRIL 2019)

TOPIK KURSUS

Penceramahnya adalah Dr. Yusof bin Rabu. Beliau menyampaikan tiga (3) topik iaitu:

- Topik 1 : Strategi Dalam Membina Budaya Organisasi Berprestasi Tinggi
- Topik 2 : Melestarikan Inovasi Baharu - Mengambil Risiko, Belajar Dari Kesilapan dan Perkongsian Idea
- Topik 3 : Pekerja Yang Berkualiti Adalah Pekerja Yang Produktif

PERKONGSIAN ILMU

Rumusan dari topik yang disampaikan adalah:

- i. Haluan kerja yang perlu ada dalam sesebuah organisasi untuk membina budaya organisasi berprestasi tinggi adalah kerjasama, budaya kerja berprestasi tinggi, kepimpinan dan transformasi;
- ii. Inovasi baharu penting dalam meningkatkan mutu perkhidmatan. Setiap organisasi perlu berani untuk mengambil risiko, belajar dari kesilapan serta menerima idea dari semua lapisan staf tidak mengira pangkat dan jawatan.
- iii. Seseorang staf perlu melibatkan diri dalam semua aktiviti yang dirancang oleh organisasi. Kejujuran dan keikhlasan serta ihsan mampu membawa perubahan ke arah kebaikan.